

NEGERI YANG SEMBILAN

(1ST PAGE PROOFS)


NORMALIN MUHAMMAD IBRAHIM

KOLEKSI


NORMALIN MUHAMMAD IBRAHIM

NEGERI YANG SEMBILAN

Daerah kecil pusaka adat
warisan kerajaan berdaulat




NORHALIM HJ. IBRAHIM



Negeri yang Sembilan

Daerah Kecil Pusaka Adat
Warisan Kerajaan Berdaulat



Norhalim Hj. Ibrahim




SHAH ALAM
PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD
1995

Author's Copy

1st Page Proofs

(Chap 1 - 10)


16/6/95


Negeri yang Sembilan
Warisan Satu Peradaban


Sdr Nurhalin

Kita mungkin akan menuliskan tajuk
kepada :

[NEGERI YANG SEMBILAN
daerah kecil pesaka adat
warisan kerajaan berdaulat .]



16/6/95



Negeri yang Sembilan

Warisan Satu Peradaban



Norhalim Hj. Ibrahim



SHAH ALAM
PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD.
1995

*Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
4 Jalan U1/15, Seksyen U1
Hicom-Glenmarie Industrial Park
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan*

© Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1995


ISBN 967 65 3536 2

*Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian
dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula,
disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi,
ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau
dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik,
mekanik, penggambaran semula, perakaman
dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu
daripada Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.*

*Teks diset dalam ITC Century Light 10 poin
Dicetak di Malaysia oleh
Percetakan Polygraphic (M) Sdn. Bhd., Selangor Darul Ehsan*

Isi

<i>Prakata</i>	v
<i>Pendahuluan</i>	vii
1 PENGENALAN	1
2 PEMBUKAAN REMBAU	14
3 PENDUDUK AWAL REMBAU	31
4 KEDATANGAN ORANG MINANGKABAU	43
5 PEMBUKAAN PERKAMPUNGAN ORANG MINANGKABAU	62
6 INSTITUSI PENGHULU/UNDANG	73
7 PEMBUKAAN REMBAU DARAT	85
8 KEDATANGAN KUASA BARAT	93
9 REMBAU DI ZAMAN BELANDA DI MELAKA	104
10 KEDATANGAN PUTERA RAJA MINANGKABAU	125
11 BUGIS DI REMBAU	141
12 YANG DIPERTUAN REMBAU	172
13 SUNGAI LINGGI, SIMPANG DAN REMBAU	222
14 CAMPUR TANGAN INGGERIS DI REMBAU	259
15 PEMECATAN DATUK HAJI SAHIL	305
16 ERA BARU	317
<i>Lampiran</i>	328
<i>Bibliografi</i>	347



Isi

- 1 PENGENALAN
- 2 PEMBUKAAN REMBAU
- 3 PENDUDUK AWAL REMBAU
- 4 KEDATANGAN ORANG MINANGKABAU
- 5 PEMBUKAAN PERKAMPUNGAN ORANG MINANGKABAU
- 6 INSTITUSI PENGHULU/UNDANG
- 7 PEMBUKAAN REMBAU DARAT
- 8 KEDATANGAN KUASA BARAT
- 9 REMBAU DI ZAMAN BELANDA DI MELAKA
- 10 KEDATANGAN PUTERA RAJA MINANGKABAU
- 11 BUGIS DI REMBAU
- 12 YANG DIPERTUAN REMBAU
- 13 SUNGAI LINGGI, SIMPANG DAN REMBAU
- 14 CAMPUR TANGAN INGERIS DI REMBAU
- 15 PEMECATAN DATUK HAJI SAHIL
- 16 ERA BARU



M.B.N.S. 1.69

MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN

SERITIS TINTA

Ketabahan yang sempurna tentang keadaan negeri dan masyarakat di mana kita tinggal sekarang hanya dapat diperolehi melalui pengkajian sejarah. Sejarah memberikan kita cerita, identiti dan tempat di samping menjelaskan keadaan hari ini, dan memberikan kunci untuk masa hadapan. Dengan itu, sejarah mempunyai kaitan dan penerapan praktikal dalam usaha sesuatu masyarakat itu membangun.

Negeri Sembilan adalah sebuah negeri yang pesat membangun. Tetapi sehingga ke hari ini sangat terasa ketiadaan penulisan sejarah, khususnya dalam bahasa Melayu tentang negeri-negeri yang mengannggotai Negeri Sembilan itu. Negeri-negeri tersebut sekarang telah bertaraf Luak atau daerah. Berbeza dengan daerah-daerah di negeri Melayu lain, hampir setiap daerah dan Luak di Negeri Sembilan ini pernah suatu ketika sebagai sebuah kerajaan bebas, merdeka dan berdaulat.

Buku Negeri Yang Sembilan ini mungkin merupakan buku sejarah politik Luak dan daerah Negeri Sembilan yang pertama dibukukan. Kerajaan negeri Sembilan Darul Khusus di samping menggalakan, menyokong dan menghargai, juga menggalakkan usaha seperti ini. Moga-moga selepas terbitnya buku ini, banyak lagi buku dan penulisan yang berkaitan dengan sejarah negeri Sembilan secara umum, ataupun sejarah Luak tertentu dapat diterbitkan.

Dengan itu, masyarakat Negeri Sembilan hari ini dan generasi akan datang mendapat ilham dan wawasan untuk meneruskan perjuangan negarawan negeri kita dahulu dalam membangunkan Negeri Sembilan Darul Khusus sejajar dengan kehendak sejarah, masa dan persekitaran.

Atas nama Kerajaan Negeri, rakaman penghargaan kepada penyusun buku ini.

Salam hormat.

{DATO' SERI UTAMA TAN SRI D. M. MOHD ISA DATO' IKT. ABD SAMAD}

Author's Copy
21/6/95

Prakata

KEFAHAMAN yang sempurna tentang keadaan negeri dan masyarakat di mana kita tinggal sekarang hanya dapat diperolehi melalui pengkajian sejarah. Sejarah memberikan kita deria, identiti dan tempat di samping menjelaskan keadaan hari ini, dan memberikan kunci untuk masa hadapan. Dengan itu, sejarah mempunyai kaitan dan penerapan praktikal dalam usaha sesuatu masyarakat itu membangun.

Negeri Sembilan adalah sebuah negeri yang pesat membangun. Tetapi sehingga ke hari ini sangat terasa ketiadaan penulisan sejarah, khususnya dalam bahasa Melayu tentang negeri-negeri yang menganggotai Negeri Sembilan itu. Negeri-negeri tersebut sekarang telah bertaraf Luak atau daerah. Berbeza dengan daerah-daerah di negeri Melayu lain, hampir setiap daerah dan Luak di Negeri Sembilan ini pernah suatu ketika (sebelum abad ke-20) berdiri sebagai sebuah kerajaan bebas, merdeka dan berdaulat.

Buku *Negeri Yang Sembilan* ini mungkin merupakan buku sejarah politik Luak dan daerah Negeri Sembilan yang pertama dibukukan. Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus di samping mengalukan, menyokong dan menghargai, juga menggalakkan usaha seperti ini. Moga-moga selepas terbitnya buku ini, banyak lagi buku dan penulisan yang berkaitan dengan sejarah Negeri Sembilan secara umum, ataupun sejarah Luak tertentu dapat diterbitkan. Dengan itu, masyarakat Negeri Sembilan hari ini dan generasi akan datang mendapat ilham dan wawasan untuk meneruskan perjuangan negarawan negeri kita dahulu dalam membangunkan Negeri Sembilan Darul Khusus sejajar dengan kehendak sejarah, masa dan persekitaran.

Kepada penyusun buku ini, bagi pihak kerajaan negeri, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan.

Salam hormat.

DATO' SERI UTAMA TAN SRI HAJI MOHD. ISA
BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD

✓ 67

Pendahuluan

PENYUSUNAN dan penulisan *Negeri Yang Sembilan* ini adalah suatu percubaan mengumpulkan bahan-bahan sejarah tentang Kerajaan Rembau. Setakat yang diketahui, belum ada lagi penulisan yang khusus tentang perkembangan politik kerajaan ini. Kebanyakan penulisan yang ada tentang Rembau adalah berkenaan dengan adat dan istiadatnya dengan menyentuh mana yang perlu, sejarah perkembangan politiknya. Fakta dan data sejarah negeri kecil ini sering disentuh dan dibincangkan dalam pensejarahan negeri-negeri Melayu lain. Kebanyakan data dan fakta itu tertulis dalam bahasa asing seperti Inggeris, Belanda dan Portugis. Belum ada lagi sebuah penulisan yang khusus dalam bahasa Melayu tentang sejarah 'Rembau dan Negerinya yang Sembilan.'

Maka adalah tujuan utama penyusunan buku ini untuk mengumpulkan data dan fakta yang bertaburan itu ke dalam suatu penulisan yang mengikut kronologi perkembangan sejarah politik Kerajaan Rembau. Bahan dan sumber yang digunakan untuk penulisan terhad kepada yang ada dalam simpanan penyusun. Dengan itu diperakui bahawa penulisan ini, sebagai langkah pertama dalam menyusun semula sejarah pembangunan politik sebuah negeri yang ketandusan dokumentasi sejarah sendiri, banyak kelemahan dan kekurangannya. Adalah diharapkan bahawa kelemahan dan kekurangan penulisan ini akan menjadi petunjuk dan landasan kepada peminat, penuntut dan ahli sejarah berikutnya untuk memperbaikinya dengan membuat penyelidikan yang lebih terperinci agar tersusun satu pensejarahan kerajaan Rembau dan Negerinya yang Sembilan yang lebih mantap.

Kerajaan Rembau telah bangun selepas jatuhnya Kerajaan Melayu Melaka. Ianya bukan sebuah empayar seperti Johor yang sezaman dengannya ataupun Melaka sebelumnya. Rembau adalah sebuah kerajaan kecil tetapi berjiwa besar. Kerajaan ini untuk lebih kurang 340 tahun, telah dapat mempertahankan diri dan kedaulatannya daripada dijajah. Bagi sebuah negara kecil, ini merupakan suatu kejayaan yang cemerlang. Kejayaannya mempertahankan diri mungkin diinspirasikan oleh sistem kemasyarakatan—*Adat Perpatih*—yang mereka amalkan. Mulai dari awal kedatangan Barat, Portugis, rakyat Rembau telah sanggup bertumpah

PENDAHULUAN

darah dan berkorban nyawa untuk memastikan kebebasan diri dan negerinya. Dalam persejaraan negara kecil ini tidak ada satu individu yang ditonjolkan, seperti halnya Datuk Bahaman di Pahang atau Datuk Maharaja Lela di Perak kerana dalam masyarakat adat ini, setiap anggota masyarakat itu adalah sama rata. Kepentingan yang ditonjolkan bukannya kepentingan individu tetapi kepentingan kelompok yang bersatu padu. Demi kepentingan bersama ini dan demi mempertahankan pusat kedaulatannya, kerajaan Rembau sanggup mengorbankan wilayahnya asal-kan keseluruhan kerajaannya tidak dijajah. Namun akhirnya kerajaan Rembau terpaksa juga mengikut alur yang telah diteroka oleh kerajaan Melayu lain yang lebih besar daripadanya, iaitu tunduk di bawah penjajahan Inggeris.

Rembau dan Negerinya yang Sembilan dapat bertahan begitu lama disebabkan antara lain, kukuhnya kesatuan rakyatnya mengamalkan sistem adatnya. Apabila keharmonian adat itu tercabar oleh rasa tamak haloba di kalangan penganut dan khususnya pemimpinnya akibat ketidakutuhan proses kesinambungan sistem adat (yang diturunkan secara lisan dari generasi ke generasi), serta dilemahkan pula dengan kemasukan sistem ekonomi kewangan kapitalis dan individualistis (yang berlawanan dengan falsafah sistem adat) bawaan Inggeris, keutuhan kesatuan masyarakatnya mulai goyang. Ini seterusnya telah menggagalkan dasar sistem kenegaraan kerajaan Rembau dan menghilangkan keunikannya. Kerajaan Rembau menjadi serupa dengan keadaan negeri-negeri Melayu lain, iaitu dilanda anarki. Justeru itu, apabila negeri-negeri Melayu lain ditelan Inggeris, kerajaan Rembau yang merupakan salah sebuah negeri terakhir di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu yang dinaunginya, juga turut terjajah.

Inggeris mengambil masa tidak kurang daripada 60 tahun untuk menundukkan kerajaan Rembau menerusi penggunaan segala bentuk tipu muslihat termasuk kekuatan senjata. Akhirnya dengan bantuan pembesar negeri-negeri Melayu lain yang telah dinaunginya serta pembesar-pembesar kerajaan Rembau yang telah dipengaruhi, Weld, Gabenor Inggeris pada ketika itu telah mengheret kerajaan Rembau, khususnya Penghulu Datuk Lela Maharaja Haji Sahil ke 'mahkamah'. Dengan menggunakan aspek tertentu undang-undang inggeris dan mengintrepetasi undang-undang Adat Perpatih sesuai dengan keperluan pihak Inggeris, Weld yang menjadi 'hakim' dalam mahkamah tersebut telah menggunakan sepenuh kuasanya untuk memecat dan melantik Penghulu Rembau.

Mulai tarikh itu Rembau menghadapi zaman keruntuhannya. Daripada sebuah negeri yang merdeka, bebas dan berdaulat, dalam tempoh tidak lebih dari empat tahun, Rembau telah menjadi sebuah daerah kecil yang bernaung di bawah daerah (Tampin) yang 300 tahun sebelum itu adalah sebahagian daripada kerajaannya. Hari ini Rembau merupakan sebuah daerah kecil dalam kerajaan Negeri Sembilan moden.

PENDAHULUAN

Di sini saya ingin mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan Negeri Sembilan, khususnya YAB Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abd. Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus yang telah memberikan galakan, dorongan dan inspirasi serta perhatian dalam usaha saya menyusun dan menerbitkan buku ini. Tanpa sokongan YAB Tan Sri buku ini tidak mungkin diterbitkan dalam bentuknya sekarang. Kepada Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri, Negeri Sembilan, khususnya YB Dato' Seri Utama Tan Sri A. Samad Idris selaku pengerusi dan Tuan Haji Muhammad Tainu, setiausaha, juga diucapkan berbanyak terima kasih kerana sumbangan kewangan untuk pembiayaan penyelidikan bagi menyusun buku ini. Kepada Fuad Hashim, jurugambar yang sanggup mengharung sungai dan meredah belukar membantu saya merakamkan tempat-tempat bersejarah di Rembau juga saya ingin merakamkan rasa terhutang budi dan terima kasih. Saya juga terhutang budi kepada ahli jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia, kawasan Rembau, terutamanya saudara Nordin Awal dan saudara Mohamad Haji Amoi kerana turut bersusah payah menyediakan dan mendapatkan bahan-bahan untuk buku ini sehingga ia dapat diterbitkan seperti keadaannya sekarang. Saya juga merakamkan terima kasih saya kepada individu-individu lain yang tidak dapat disebutkan nama mereka satu persatu di sini kerana terlalu ramai bilangannya, yang telah membantu saya, sama ada secara langsung ataupun tidak dari mula sehingga terbitnya buku ini.

Akhir sekali patut juga saya nyatakan di sini bahawa kebanyakan gambar dalam buku ini mempunyai rakaman sejarahnya sendiri tetapi ^{ada daripadanya} ~~ia~~ ^{tidak} ~~berkait~~ secara ~~langsung~~ langsung dengan teks yang berakhir apabila masuknya penjajah Inggeris di bumi beradat itu. Tujuan ianya dimasukkan adalah untuk merakamkan dan menjadikannya sebagai dokumen sebelum tempat-tempat tersebut hilang dan musnah dimakan oleh proses perubahan dan pembangunan. Tempat-tempat dan kesan-kesan sejarah kerajaan Rembau yang nyata agak sukar ditemui sekarang. Bekas dan kesan-kesan yang masih ada, jika tidak dilakukan sesuatu yang konkrit oleh pihak yang berkuasa, juga akan turut hilang seperti hilangnya kerajaan dan tamadun adat Melayu Rembau.

Institusi Penghulu/Undang

P ADA 8 (bersamaan hari Jumaat) atau 10 Ogos 1511 (Macgregor, 1955: 5) Kemgancan melakukan serangan mendadak terhadap Portugis di Melaka (1858: 265-6). Kenyataan Braddell ini sukar diterima kerana mengikut catatan dan laporan Portugis, setelah Melaka jatuh Sultan Mahmud telah berundur ke Bertam. Apa yang mungkin terjadi adalah para pengikut sultan semasa berundur telah berpecah dua. Sebahagian telah berundur ke Rembau dan yang lain bersama undur dengan sultan. Dengan demikian, kekuatan tentera Portugis terbahagi dua, dan secara tidak langsung memberi kesempatan kepada Sultan Mahmud dan angkatanrya berundur dengan selamat.

Dari Bertam, Sultan Mahmud telah berundur ke Muar, kemudian ke Pagoh, dan dengan melalui 'jalan penarikan' baginda telah ke Pahang. Setelah tinggal beberapa ketika di sana baginda berpindah pula ke Bintan. Di Bintan baginda telah cuba menegakkan sebuah kerajaan di samping melakukan beberapa serangan terhadap Portugis di Melaka. Pada tahun 1526, baginda telah meninggalkan Bintan yang diserang Portugis, dan berundur pula ke Ujung Tanah di mana baginda tinggal sehingga bulan September 1527. Pada tarikh tersebut baginda telah sampai pula ke Kampar, Sumatera di mana baginda mangkat (peristiwa itu berlaku di antara November 1527 dan Julai 1528). Raja Radin, anak baginda yang menggantinya sebagai sultan dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Syah (1527/28-1564) juga tidak dapat mendirikan sebuah pusat kerajaan yang kuat di suatu tempat. Pada sekitar tahun 1540 barulah baginda berjaya mendirikan semula kerajaan di kawasan Johor Lama. Pusat kerajaan ini pun sering berpindah tempat untuk beberapa tahun selepas itu (Macgregor, 1955: 48-84).

Daripada huraian di atas dapat dilihat bahawa untuk lebih kurang 39 tahun Kerajaan Johor berada dalam keadaan tidak stabil. Portugis telah berkali-kali melancarkan pelanggaran ke atasnya pada tahun-tahun 1518, 1520, 1521, 1523, 1524, 1526, 1535 dan 1536 (Andaya, 1987: 31). Keadaan ini membuat pusat Kerajaan Johor sering berpindah dari satu tempat ke satu tempat. Kerajaan Johor sehingga tahun 1540 merupakan sebuah kerajaan 'buangan' atau 'pelarian'.

Sejak jatuhnya Melaka sehingga tahun 1540, setakat yang diketahui Rembau tidak terlibat dalam persengketaan politik antara Johor dan

Kerajaan Melayu Melaka telah jatuh ke tangan Portugis. Menurut Braddell sultan Mahmud telah berundur ke 'Rembow' dari mana baginda telah

Portugis. Pihak Portugis, berdasarkan laporan Tome Pires mengakui kewujudan Rembau (Rombo) dan adanya 'Kerajaan Minangkabau' di Rembau'. Namun pihak Portugis tidak membuat sebarang perhubungan politik dengan Rembau melainkan dari segi ekonomi dan perdagangan. Keadaan 'aman' ini mungkin tercetus kerana keghairahan Portugis melakukan pelanggaran terhadap Johor dengan tujuan melemahkan kekuatannya agar tidak menjadi ancaman kepada kedudukan mereka di Melaka. Kerajaan Johor sebaliknya telah memperlihatkan kekuatan dan kegigihannya untuk mengeluarkan Portugis daripada Melaka. Keadaan ini jelas kelihatan daripada kemampuan Johor membuat penyusunan semula tenteranya dalam masa yang agak singkat selepas setiap pelanggaran dan kekalahan.

Kerajaan Johor juga dalam tahun-tahun yang berkenaan tidak mengambil 'berat' atau lebih tegas tidak mencampuri hal politik Rembau. Johor tidak sanggup berbuat sedemikian kerana kekerapan pelanggaran Portugis terhadapnya. Akibatnya Johor sentiasa atau terpaksa memindahkan pusatnya dari selempat ke setempat. Di samping itu kegigihan Johor sendiri melakukan serangan balas terhadap Portugis membuatkan tiada waktu baginya untuk mencampuri hal-ehwal Rembau. Suatu penelitian tentang keadaan sebenar, terutama sekali selepas berlakunya beberapa pelanggaran ke atas atau selepas serangan balas yang selalunya berakhir dengan kegagalan oleh Kerajaan Johor, memperlihatkan gambaran yang tidak dijangkakan tentang sebuah kerajaan yang terus-menerus dapat mempertahankan kedaulatannya sementara mengatur semula kedudukan yang sering mengalami perpecahan akibat serangan dan/atau kekalahan itu. Dengan Johor berada dalam keadaan yang sedemikian, ia seperti juga kuasa Portugis di Melaka, tidak mempunyai 'masa' untuk terlibat dalam hal-ehwal Rembau. Keadaan ini juga menjadikan Rembau seolah-olah sebagai suatu kawasan 'aman', terkeluar daripada pertelingkah politik semasa yang berlaku di sekitarnya.

Keadaan aman ini telah menarik lebih ramai lagi para penghijrah dari Sumatera dan tempat-tempat lain untuk membuat petempatan di Rembau. Menjelang akhir tahun 1530-an penduduk Rembau menjadi semakin ramai. Datuk Leteh, melihatkan keadaan negeri Johor yang tidak tenteram, kedudukan Portugis di Melaka semakin kukuh serta rakyat Minangkabau semakin ramai, telah berbincang dengan Datuk Lela Balang dan para ketua suku yang tinggal di sekitar Sungai Penajis dan Sungai Rembau tentang masa depan Rembau. Beliau berpendapat, masa depan Rembau tidak menentu kerana, walaupun secara tidak rasmi bernaung di bawah Kerajaan Johor, namun keadaan semasa pada ketika itu memerlukan Rembau mempunyai sistem pemerintahan dan pucuk pimpinan tersendiri. Di samping itu, beliau yang selama itu dianggap sebagai ketua telah tua. Sebolehnya beliau mahu calon yang menjadi ketua di

Rembau selepasnya adalah seorang yang boleh dijadikan lambang kepada sosiobudaya Rembau iaitu gabungan antara budaya anak watan dengan budaya Minangkabau. Selanjutnya, pengwujudan institusi kepimpinan di Rembau bukanlah suatu yang lari daripada peraturan kerana adat Alam Minangkabau membolehkan Rembau sebagai salah sebuah daripada rantainya, mempunyai autonomi yang sepenuhnya (Batuah dan Tanameh, L.L.: 38).

Setelah bermuafakat, mereka sebulat suara memilih seorang penghulu bagi Rembau. Mereka juga telah sekata memilih Si Rama sebagai calon yang sesuai sekali menyandang pusaka baru itu kerana beliau adalah cucu kepada Batin Sekudai, bekas ketua orang asli di Rembau dan juga anak kepada orang bergelar Minangkabau. Dalam diri Si Rama itu mengalir dua etnik yang menjadi komposisi utama rakyat dan budaya Rembau. Justeru itu Si Rama adalah lambang negeri Rembau pada ketika itu dan masa akan datang.

Institusi penghulu, sebagai puncak struktur dan organisasi kepimpinan perlu mendapatkan daulat, makna dan pengesahan. Pengiktirafan budaya dan kerohanian seperti ini hanya diperolehi melalui restu daripada suatu kuasa raja yang berdaulat pula. Pada ketika itu, kuasa yang dianggap tinggi daulatnya dan yang paling hampir dengan Rembau adalah Sultan Johor. Baginda adalah keturunan terus daripada Sultan Melaka yang dianggap sebagai keturunan langsung daripada daulat Bukit Siguntang. Oleh yang demikian, Datuk Leteh telah mencadangkan agar Datuk Lela Balang, sebagai orang besar Rembau yang paling kanan ketika itu selepas Datuk Leteh, pergi menghadap Sultan Alauddin Riayat Syah (1527/28-1564) di Johor Lama mempersembahkan keperluan rakyat Rembau itu.

Berkaitan dengan siapakah pembesar Rembau yang pergi menghadap sultan pada tahun 1540 ini para penulis sejarah Rembau agak berlainan pendapat. Mengikut Part dan Mackray yang pergi itu adalah Datuk Lela Balang dan Datuk Laut Dalam; tetapi nama kedua-dua Datuk itu tidak disebut secara jelas (1910: 4). Mereka juga tidak menyatakan status atau tugas kedua-dua Datuk itu, sama ada mewakili rakyat Rembau atau diri sendiri. Abdullah Hj Dahan dalam suatu memorandum kepada kerajaan Inggeris dalam tahun 1924 dengan tegas menyatakan bahawa 'Datuk Laut Dalam dan Datuk Lela Balang' yang telah pergi dan permergian mereka adalah sebagai 'suatu perwakilan bersama' (1924: 6). Mengikut Harvey pula yang pergi adalah Datuk Lela Balang atas cadangan Datuk Leteh dan beliau telah pergi bersama Datuk Laut Dalam (1884: 251-2).

Di antara tiga sumber di atas, hanya Abdullah sahaja yang tegas tentang kedudukan Datuk Laut Dalam dalam deligasi ke Johor itu, iaitu sebagai wakil bersama. Harvey tidak memberikan apa-apa status kepada beliau. Permergiannya ke sana bukan sebagai wakil tetapi berkemungkinan besar sebagai teman atau sahabat yang mengiringi Datuk Lela Balang.

Parr dan Mackray tidak jelas tentang kedudukan Datuk Laut Dalam malarian nama Datuk Lela Balang pun tidak disebut melainkan dibayangkan sebagai mengetuai delegasi tersebut.

Setelah sampai ke Johor Lama, Datuk Lela Balang telah menghadap sultan mempersembahkan hajat dan kemahuan orang Minangkabau di Rembau, iaitu mewujudkan institusi penghulu/undang di Rembau serta meminta perkenankan calonnya sekali. Semasa Datuk Lela Balang menghadap, Datuk Laut Dalam tidak ikut serta. Sumber sejarah tidak menyatakan sebab beliau tidak masuk menghadap atau di mana beliau menunggu melainkan Abdullah yang melaporkan Datuk Laut Dalam tidak pergi menghadap kerana diminta oleh Datuk Lela Balang tinggal di perahu dan menjaganya.

Permohonan Datuk Lela Balang itu telah diperkenan oleh sultan. Baginda telah mengurniakan gelaran Lela Maharaja kepada penyandang pusaka Undang/Penghulu Rembau. Oleh sebab Si Rama ketika itu masih kecil, baginda juga berkenan melantik Datuk Lela Balang yang dikurniakan gelaran Datuk Gempa Maharaja, sebagai pemangku pusaka sehingga Si Rama dewasa.

Berita ini telah disampaikan kepada Datuk Laut Dalam dan ahli rombongan yang lain. Datuk Laut Dalam tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut. Beliau mahu dan menuntut agar keturunannya juga menjadi penghulu/undang di Rembau. Parr dan Mackray menganggap tuntutan Datuk Laut Dalam itu timbul akibat daripada rasa cemburunya terhadap keistimewaan yang diperolehi oleh keturunan Datuk Lela Balang (1910: 4). Anggapan Parr dan Mackray berkaitan dengan rasa cemburu Datuk Laut Dalam ini telah disangkal oleh Abdullah (1924: 7). Beliau, sebaliknya berpendapat Datuk Laut Dalam merasa ditipu atau diperdaya oleh Datuk Lela Balang. Oleh sebab itu Datuk Laut Dalam telah mengancam memecahkan perahu jikalau tuntutannya itu tidak dipenuhi (1924: 6). Harvey pula menyatakan Datuk Laut Dalam menuntut hak keturunannya menjadi pemerintah di Rembau sebagai ganjaran atas susah payah dan penat lelahnya. Apa yang dimaksudkannya dengan 'susah payahnya' itu tidak pula dijelaskan. Mungkin yang dimaksudkannya ialah kesukaran yang dihadapi dan jasanya menemani Datuk Lela Balang ke Johor (1884: 252).

Untuk mengelakkan pertelingkahan yang berlanjutan Datuk Lela Balang bersama dengan Datuk Laut Dalam telah berbalik semula menghadap sultan dan mempersembahkan tuntutan Datuk Laut Dalam. Selepas membincangkan serta menimbangkannya, akhirnya sultan telah memperkenankan permohonan atau tuntutan tersebut. Cara yang dicadangkan oleh sultan untuk menyelesaikan masalah tuntutan itu ialah dengan menikahkan Si Rama atau Datuk Lela Maharaja dengan anak perempuan Datuk Laut Dalam. Anak lelaki yang lahir hasil daripada perkahwinan itu dilantik menjadi penghulu atau undang selepas Datuk Lela Maharaja.

Sultan telah mengurniakan gelaran Datuk Sedia Raja kepada keturunan Datuk Laut Dalam. Abdullah menganggap cara sultan menyelesaikan masalah tuntutan itu sedemikian rupa adalah yang paling baik kerana 'sultan tidak bertitah dua kali' (1924: 6). Selanjutnya, untuk mengimbangi keadaan, terutamanya antara Datuk Lela Balang yang telah bergelar, dengan Datuk Laut Dalam, sultan juga telah mengurniakan gelaran Datuk Merah Bangsa (Hervey, 1884: 252); mengikut Abdullah, Datuk Merah Mata (1924: 6), kepada Datuk Laut Dalam. Gelaran ini kemudian dipendekkan menjadi Datuk Merbangsa.

Setelah selesai segala pekerjaan di Johor rombongan tersebut pun balik ke Rembau. Besar kemungkinan pada tahun 1540 inilah, akibat daripada peristiwa yang baru dinyatakan di atas timbulnya baris terakhir dalam perbilangan:

Bertuan ke Minangkabau,
Bertali ke Siak,
Beraja ke Johor².

Dengan pemergian rombongan tersebut ke Johor untuk mendapatkan restu (daulat) dan pengiktirafan bermakna Rembau meletakkan dirinya di bawah naungan Raja Johor. Peristiwa ini ada persamaannya dengan cara Kerajaan Melayu Melaka mendapatkan pengiktirafan dan 'perlindungan' daripada Maharaja Ming di China pada tahun 1403 dan 1405 (Hall, 1971: 248).

Apabila sampai ke Rembau, Datuk Lela Balang dan rombongannya telah berunding dengan Datuk Leteh. Keputusan rundingan itu adalah mengadakan suatu kerapatan untuk mengisytiharkan perliantikan penghulu/undang dan seterusnya membuat penyusunan semula kepimpinan masyarakat Rembau. Datuk Leteh sebagai pembesar yang tertua telah mengisytiharkan keputusan sultan merestui pengwujudan penghulu/undang di Rembau. Selanjutnya diisytiharkan juga keputusan sultan supaya pusaka itu digilirkan di antara dua carak, iaitu carak waris Biduanda Jakun, keturunan Datuk Bungkal anak watan Rembau dan carak waris Jawa, keturunan isteri Datuk Laut Dalam atas kurnia sultan.

Kerapatan tersebut juga telah sepakat menyusun semula masyarakat Rembau. Antara keputusan yang dicapai adalah seperti berikut:

1. Orang dari Batu Hampar Caniago adalah di bawah tadbiran Datuk Lela Balang dengan gelaran baru Datuk Gempu Maharaja. Suku mereka ini dipanggil suku Batu Hampar.
2. Orang dari Batu Hampar kawasan lain (Mandiling, Paya Bidara, Pagar Cincang dan Agam) dikelompokkan menjadi suku Batu Hampar Petani. Suku ini diketuai oleh Datuk Leteh. Keturunan Datuk Leteh yang dilantik mengetuai suku ini diberi gelaran Datuk Putih.

3. Orang dari Paya Kumbuh mengekalkan nama tempat asal mereka sebagai nama suku iaitu suku Paya Kumbuh. Suku ini diketuai oleh Datuk Laut Dalam yang telah dikurniakan gelaran baru—Datuk Merah Bangsa atau Datuk Merbangsa.
4. Orang dari Mungkal menamakan suku mereka mengikut nama tempat asal mereka. Mereka telah melantik seorang ketua baru. Sebelum ini orang dari Mungkal ini adalah di bawah pimpinan Datuk Lela Balang. Dengan penyusunan baru ini mereka telah melantik seorang ketua dan diberi gelaran Datuk Samsura Pahlawan.
5. Orang dari Tiga Nenek juga menamakan suku mereka mengikut nama tempat asal mereka⁹. Oleh sebab sebelum kerapatan 1540 ini mereka di bawah pimpinan Datuk Laut Dalam, suku ini telah memilih seorang ketua baru. Ketua suku ini bergelar Datuk Bangsa Balang.
6. Anak watan yang telah beragama Islam serta tinggal bersama dengan orang Minangkabau, berserta keturunan Datuk Bungkal dan bakal keturunan isteri Datuk Laut Dalam dikelompokkan ke dalam satu suku—suku Biduanda. Seorang ketua yang diberi gelaran Datuk Perba telah dilantik memimpin suku tersebut. Oleh sebab suku ini terbahagi kepada dua carak, jawatan atau pusaka ketua suku ini, seperti juga pusaka penghulu/undang, juga digilirkan antara Jakun dan Jawa.

Besar kemungkinan pada masa kerapatan ini juga para ketua suku di Rembau telah diberi gelaran umum iaitu Datuk Lembaga, di samping mempunyai gelaran khas berdasarkan suku. Panggilan Datuk Lembaga kepada ketua suku ini mungkin kemudian telah dilanjutkan penggunaannya ke rantau Minangkabau yang lain di Negeri Sembilan seperti Sungai Ujong, Jelebu dan Johol.

Di samping membuat penyusunan semula yang antara lain dinyatakan di atas, kerapatan tahun 1540 ini juga berkebulatan membentuk suatu badan pentadbir yang terdiri daripada empat orang ketua suku atau Datuk Lembaga. Mereka itu adalah Datuk Gempa Maharaja, Lembaga suku Batu Hampar; Datuk Merbangsa, Lembaga suku Paya Kumbuh; Datuk Bangsa Balang, Lembaga suku Tiga Nenek; dan Datuk Samsura Pahlawan, Lembaga suku Mungkal. Gabungan atau majlis empat orang datuk lembaga ini dikenali sebagai 'Lembaga Tiang Balai Yang Empat' atau ringkasnya 'Lembaga Yang Empat' atau 'Lembaga Tiang Balai'.

Sebagai suatu ikatan atau badan, Lembaga Yang Empat ini wujud sebagai sebuah jemaah kerapatan yang bersendirian. Dalam kerapatan mereka penghulu/undang tidak mempunyai kuasa dan tidak boleh campur tangan. Dalam pentadbiran negeri Lembaga Yang Empat ini berfungsi antara lain:

1. Penasihat kepada penghulu/undang di dalam segala hal yang berkaitan dengan pentadbiran Rembau.
2. Badan ini harus duduk bersama dan menjadi pengapit di balai apabila

penghulu/undang membicarakan sebarang perkara atau/ dan masalah yang berkaitan dengan adat, perlembagaan, politik, ekonomi dan sosial yang melibatkan Rembau sebagai suatu keseluruhan. penghulu/undang tidak boleh membuat sebarang keputusan tentang perkara-perkara tersebut melainkan di hadapan Lembaga Yang Empat ini.

Penghulu

3. Badan ini adalah tempat rujukan penghulu/undang dalam membuat sebarang perjanjian atau persetujuan dengan kuasa luar, sama ada yang menguntungkan mahupun yang merugikan Rembau.
4. Tandatangan keempat-empat orang Lembaga Tiang Balai ini adalah diperlukan di samping tandatangan penghulu/undang dalam menentukan kesahan sebarang perjanjian dan/atau persetujuan antara Rembau dengan kuasa lain. Dengan kata lain, sebarang perjanjian atau/ dan persetujuan yang dibuat oleh penghulu/undang tanpa tandatangan Datuk Lembaga Tiang Balai adalah tidak sah.

Dalam menjalankan tugas sebagai Lembaga Tiang Balai, keempat-empat orang Datuk Lembaga ini mempunyai dan menikmati status, kewibawaan dan kuasa yang sama. Di antara mereka tidak ada yang lebih tinggi atau yang lebih rendah. Namun, apabila berlaku perantukan penghulu/undang baru yang jatuh kepada giliran waris Biduanda Jakun, pengumuman dan segala adat-istiadat yang berkaitan dengan adat-istiadat kerja (penabalan) adalah dikelolakan oleh Datuk Gempa Maharaja; dan jika giliran waris Biduanda Jawa dijalankan pula oleh Datuk Merbangsa. Kekananan dan kelebihan serta ketinggian martabat dua orang Datuk Lembaga ini khususnya dalam perantukan penghulu/undang adalah sebab peranan yang mereka mainkan dalam mewujudkan institusi penghulu/undang. Di samping itu, mereka telah menerima secara langsung akuan dan gelaran pusaka kebesaran dari Sultan Johor.

Rajah 6
Skim Pentadbiran Rembau Mulai tahun 1540



Nota:

1. Menyerukan nama penghulu/undang baru daripada waris Biduanda Jakun.
2. Menyerukan nama penghulu/undang baru daripada waris Biduanda Jawa.
3. Badan yang memulih bagi mengadakan penghulu/undang baru.
4. Bergilir: Biduanda Jakun—Datuk Lela Maharaja
Biduanda Jawa—Datuk Setia Raja

Ulah suai
agut d'Guan
Rajah 6


Pada tahun berkenaan juga (1540) atau mungkin beberapa tahun selepas itu, institusi penghulu/undang itu telah disusun dan diperkukuhkan lagi sejajar dengan kehendak dan semangat perjanjian dan perakuan yang dibuat di hadapan Sultan Johor. Penyusunan dan peneguhan itu telah dilaksanakan berdasarkan sistem adat di Minangkabau iaitu penyandang pusaka adalah daripada keturunan sebelah ibu. Dengan itu, bulat dan sekatalah kerapatan adat Rembau memperakui bahawa penyandang pusaka penghulu/undang Rembau adalah terdiri daripada keturunan isteri Datuk Lela Balang (Datuk Gempa Maharaja) dan isteri Datuk Laut Dalam (Datuk Merah Bangsa/Merbangsa).

Sebagai dinyatakan di atas, Datuk Lela Balang yang telah berkahwin dengan Datuk Bungkal binti Batin Sekudai, selain daripada Si Rama, mempunyai empat orang anak perempuan. Mereka itu adalah Datuk Pundung, Datuk Makraman atau Datuk Raman, Datuk Siti dan Datuk Lijah. Mereka ini telah berkahwin dengan orang Minangkabau. Selepas berkahwin, mengikut Bakin (± 1962) mereka telah berpindah meneroka tempat baru⁴. Datuk Pundung telah membuat penempatan di Kota, Datuk Makraman pergi ke Chengkau, Datuk Siti telah meneroka Gadung dan Datuk Lijah pindah ke Tebat Chembong⁵. Oleh sebab ibu mereka seorang Jakun, keturunan mereka disebut sebagai 'waris Biduanda Jakun'. Kampung-kampung yang mereka teroka ini dikatakan sebagai 'kampung waris' (Biduanda Jakun).

Datuk Laut Dalam semasa sampai ke Rembau telah pun mempunyai seorang isteri keturunan Jawa. Mereka telah mendapat empat orang anak perempuan. Anak sulungnya, Siti Hawa⁶ seperti dinyatakan di atas, atas cadangan Sultan Johor telah dikahwinkan dengan Si Rama atau Datuk Lela Maharaja. Selepas berkahwin Siti Hawa telah menetap di Kampung Tanjung Kota. Anak-anak Datuk Laut Dalam yang lain, Syamsiah, Norimah⁷, dan Malidi⁸ selepas berkahwin telah berpindah ke Kampung Tengah, Kampung Pulau dan Kampung Bukit secara urutan. Keturunan anak-anak Datuk Laut Dalam ini digelar 'waris Biduanda Jawa' dan kampung-kampung yang mereka tinggal dikatakan sebagai 'kampung waris' (Biduanda Jawa).

Perkahwinan antara Datuk Lela Maharaja Si Rama dengan Siti Hawa telah menghasilkan seorang anak lelaki bernama Amba. Beliau telah dilantik menjadi penghulu/undang Rembau kedua selepas ayahnya meninggal dunia dalam tahun 1555. Amba yang beribukan Siti Hawa anak kepada perempuan Jawa isteri

Rajah 7
Salasilah Penghulu/Undang Rembau dan Pecahan Suku Biduanda




Nota:

- (1) Penghulu/Undang Rembau pertama, bergelar *Datuk Lela Maharaja* (1540 - 1555)
 (2) Penghulu/Undang Rembau Kedua, bergelar *Datuk Seilia Raja* (1555 - 1605).

Sumber:

Bakin bin Jata (t.t.)
 Parr dan Mackray (1910)
 Abas Hj. Ali (1953)

Petunjuk:



← Datuk Laut Dalam adalah daripada suku Biduanda waris Jawa. Dengan perantaraan itu maka semangat persetiaan antara datuk sebelah ibunya (Datuk Laut Dalam) dengan datuk sebelah ayahnya (Datuk Lela Balang) yang dibuat di hadapan Sultan Johor telah menjadi kenyataan dalam tahun 1555. Perantaraan itu juga merupakan permulaan bagi proses pergiliran pusaka penghulu/undang antara Biduanda Jakun dan Biduanda Jawa.

Amba telah diberi gelaran Datuk Sedia Raja. Gelaran ini, mengikut Abdullah Hj. Dahan adalah dicipta secara sengaja oleh Sultan Alauddin Riayat Syah kerana cucu Datuk Laut Dalam, Amba telah 'sedia' diberi darjat penghulu/undang 'raja' sebelum ia dilahirkan (1924: 6).

Dengan terdirinya institusi penghulu/undang berserta dengan Lembaga Tiang Balai yang Empat sebagai badan penasihat, maka dalam tahun 1540 Rembau muncul sebagai sebuah negeri yang mempunyai entiti politik tersendiri. Rembau sejak tahun tersebut telah mempunyai sistem pentadbirannya tersendiri yang diperlengkapkan dengan perlembagaan yang dikenali sebagai undang-undang adat. Dasar/undang-undang adat Alam Minangkabau, Sumatera. Kepada undang-undang dasar ini telah dibuat pengubahsuaian agar dapat diterima dan diamalkan dalam keadaan dan oleh masyarakat (gabungan anak watan dengan etnik lain tempatan dan penghijrah Minangkabau) Rembau. Pada tahun berkenaan undang-undang ini masih merupakan prinsip-prinsip dasar tetapi melalui masa ia telah berkembang, diperbaiki dan ditokok tambah di mana perlu sehingga akhirnya ia menjadi suatu undang-undang yang mencerminkan falsafah keadilan masyarakat di Rembau dan bukan lagi di Minangkabau. Namun, dari satu segi ia masih mengikut adat Minangkabau, iaitu ia terkandung dalam kata-kata adat atau perbilangan adat yang penguatkuasaannya tidak muncul daripada sifatnya yang tertulis. Ia diturunkan dari generasi ke generasi secara lisan. Akhirnya undang-undang adat ini dapat dikategorikan kepada beberapa aspek. Antara lain ialah:

1. Undang-undang adat yang berkait dengan Perlembagaan Negeri.
2. Undang-undang Jenayah.
3. Undang-undang Keterangan.
4. Undang-undang Keluarga.
5. Undang-undang Harta.

Undang-undang dan perlembagaan inilah yang digunakan oleh rakyat Rembau untuk mengatur perjalanan politik, ekonomi dan sosialnya.

Daripada huraian di atas nyatalah bahawa sekitar tahun 1540 Rembau telah muncul sebagai sebuah kerajaan. Rembau telah mempunyai seorang ketua pentadbir (politik-sosial-ekonomi). Dalam menjalankan tugasnya beliau telah dibantu dan dinasihati oleh satu badan pentadbir (Lembaga Tiang Balai) yang dianggotai oleh empat orang Datuk Lembaga. Ini bermakna penghulu/undang tidak mempunyai kuasa mutlak. Kuasanya

undang-undang ini
adalah

dipikul bersama oleh empat orang pemimpin lain dalam diri Datuk-datuk Lembaga suku awal di Rembau. Namun keputusan yang dicapai oleh badan pentadbir ini akan menjadi kenyataan melalui 'sabda' penghulu/undang.

Setakat yang dilaporkan, pada zaman pemerintahan Lela Maharaja, Rembau berada dalam keadaan damai, dengan erti kata tiada pertelingkahan terbuka atau langsung dengan kuasa luar. Dua kuasa utama ketika itu, Johor dan Portugis di Melaka sedang sibuk mempertahankan dan memperkukuhkan kedudukan masing-masing. Kerajaan Melayu Johor leka dengan usaha-usaha untuk mendirikan sebuah kerajaan di suatu pusat yang kekal di samping mempertahankan diri daripada serangan Portugis dan Aceh; dan melakukan serangan ke atas Melaka sebagai percubaan untuk mengambil semula Melaka daripada tangan Portugis. Portugis pula sentiasa berusaha untuk menundukkan Kerajaan Melayu Johor (lanjutan Kesultanan Melaka) di samping mempertahankan diri daripada serangan Johor dan Aceh dan pada masa yang sama mengukuhkan kedudukan Melaka sebagai pusat perdagangan antara-bangsa.

Dengan wujudnya situasi sedemikian Rembau terhindar daripada tekanan langsung daripada dan berkonflik dengan mana-mana kuasa luar. Kesempatan ini telah digunakan untuk menyusun dan memperkukuhkan kerajaan yang baru di samping menyelesaikan masalah dalaman yang timbul.

Nota kaki

1. Lihat perbincangan tentang hal ini dalam Bab 2 di atas.
2. Sejauh yang diketahui tiada perbilangan dalam mana-mana terombo yang mengaitkan Rembau dengan Melaka (seperti: beraja ke Melaka atau bertuan ke Melaka atau perbilangan lain yang membawa maksud atau pengertian yang hampir sama atau serupa). Ada dua kemungkinan yang mewujudkan keadaan ini. Pertama di zaman Kerajaan Melaka, Rembau mungkin baru muncul dan masih belum mempunyai suatu sistem kerajaan dan tiada pemerintahan. Justeru itu, dari pandangan Melaka, Rembau tidak wujud sebagai sebuah negeri atau wilayah. Kedudukan Rembau seperti ini tidak memerlukan Kerajaan Melaka untuk menguatkuasakan 'naungan' ke atas Rembau; dan sebaliknya pula orang Rembau tidak menyedari konsep 'naungan Melaka' kerana mereka tidak terlibat dalam penguatkuasaan politik. Kedua: 'Johor' dalam perbilangan ini adalah juga bermaksud Melaka kerana pada pandangan orang Rembau, Johor itu adalah kelanjutan daripada Kerajaan dan Kesultanan Melaka. Oleh sebab struktur dan organisasi politik tersusun Rembau serta puncak kepimpinannya hanya wujud selepas kebangkitan Kerajaan Johor, perbilangan yang mungkin disusun pada ketika itu juga memperakui Johor sebagai penaung.
